

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD.
ZOHDI [BN - UMNO]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016(SELASA)

NO. SOALAN : 11

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah rumah yang telah terlibat di bawah Program Bantuan Rumah 2016 serta implikasi kewangan yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi pelaksanaan Program Bantuan Rumah, di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) tahun 2016, pihak Kementerian telah diperuntukkan sejumlah **RM 274.8 juta** dengan diunjurkan **sejumlah 11,223 unit rumah dibina dan di baik pulih di seluruh negara.** Berdasarkan jumlah tersebut, sejumlah 3,055 unit rumah baru sedang dibina manakala 8,168 unit rumah sedang di baik pulih dan dapat memberi manfaat kepada lebih **56,115 penerima faedah.**